

Semua pihak perlu bantu hidupkan pelancongan buku

Ahmad Afif
Mustafa,
Semenyih

Sempena cuti persekolahan bulan lalu, saya dan rakan yang boleh dianggap ulat buku berkunjung ke Pulau Pinang semata-mata untuk mengunjungi kedai buku terpakai di Chowrasta.

Walaupun pelancongan buku dan sastera sebegini masih asing dengan negara kita berbanding negara maju seperti United Kingdom (UK) dan Perancis, kami berharap usaha ini dapat memberikan sumbangan kepada negara, selain menjadikan budaya membaca lebih beragam.

Di sebalik kehairahan kami untuk merayakan buku dengan menjadikan kedai buku terpakai yang kini beroperasi di tingkat atas Pasar Chowrasta, apa yang kami saksikan seolah-olah tinggalkan daripada tradisi buku dan penerbitan yang pernah gah di Pulau Mutiara itu.

Meskipun kedai buku terpakai Chowrasta berbangga dengan kekaguman pembaca sebelum ini seperti 'lebih 20,000 buku di kedai dan stor hingga mencecah siling', tidak banyak yang dapat kami lakukan kecuali 'menyelam' buku dan berbual dengan pekedai.

Saya fikir kita tidak boleh berpuas hati dengan aktiviti jual beli buku terpakai sahaja kerana hidup matinya akan hanya bergantung kepada kehadiran pengunjung dan pembeli yang rata-rata-

nya lebih atas sifat nostalgia.

Mereka yang saya temukan di kedai buku itu sama seperti yang banyak saya baca dalam laporan akhbar yang muncul sekali-sekala adalah pengunjung yang ketika kanak-kanak atau remaja yang pernah berkunjung dan membeli buku di situ.

Di mana khalayak pembaca buku tegar dan kolektor serta masyarakat umum yang merayakan budaya membaca? Apakah mereka hanya membeli buku secara dalam talian dan membiarkan khazanah penting penerbitan, persuratan dan perbukuan yang diwariskan daripada generasi lalu itu akan hilang ditelan zaman?

Cetuskan tanda tanya

Di sini, saya melihat perlu ada usaha bukan sahaja daripada pekedai yang menjadi pewaris generasi kedua dan ketiga untuk menghidupkan dunia buku terpakai, sebaliknya perlu ada sumbangan daripada kerajaan negeri, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang (PPAPP), persatuan penulis dan entiti yang bertanggungjawab terhadap warisan, kebudayaan dan sastera di sana.

Jika di Selangor, kita boleh lihat usaha Per-

satuan Kota Buku Bangi yang menghidupkan Hentian Buku Selangor dengan menganjurkan pelbagai aktiviti, termasuk ekspo dan mini ekspo yang bukan sahaja membabitkan jualan buku langka, terpakai dan baharu, bahkan acara umpamanya forum, baca puisi, sesi bersama penulis dan *podcast*.

Bagaimanapun seperti apa berlaku di kedai buku terpakai Pasar Chowrasta, saya juga kurang nampak membabitkan pihak berwajib sedangkan usaha membudayakan buku, termasuk dalam tanggungjawab perbandaran.

Cuma di Hentian Buku Selangor lebih bernasib baik kerana penjual dan pekedai berusaha menarik kehadiran pengunjung dengan turut mengadakan acara perbukuan.

Apa yang berlaku ini mencetuskan tanda tanya, apakah kita akan menyaksikan kedai buku terpakai Chowrasta dan Hentian Buku Selangor dapat menghidupkan segmen pelancongan buku seperti di Eropah yang terkenal dengan Bouquinistes di tebing Sungai Seine, Paris; Cuesta de Moyano di kawasan siar kaki Taman El Retiro, Madrid atau pasar lambak buku di kota besar benua itu?

Hanya pihak berkuasa dan masyarakat kita yang dapat menjawabnya.